

# Kos haji, cukai, subsidi dan tarif utiliti

SINAR HARIAN 28/9/2024 11:17



DESAS  
DESUS

ELVIZA MICHELE KAMAL

Jika saudara berada dalam isi rumah M40 dan menunaikan haji dalam tempoh 2009 hingga 2018, saudara perlu mengeluarkan kos muassasah sebanyak RM9,980.

Jika saudara masih M40 tetapi akan menunaikan haji pada tahun 2024, saudara perlu membiayai kenaikan hampir 100 peratus sebanyak RM19,152.

Lembaga Tabung Haji (TH) sudah tidak mampu mengekalkan kos haji seperti pra-2018 yang pernah dinikmati oleh ratusan ribu jemaah sebelum ini.

TH yang dibelenggu faktor kekurangan aset dan pendapatan pelaburan rendah berbanding liabiliti, maka tahun ini 36,000 jemaah akan membayar harga yang lebih tinggi tanpa mengira tahap ekonomi masing-masing.

Bertitik-tolak daripada kemenangan Pakatan Harapan 1.0 di PRU14, dasar pelaburan TH ditukar 180 darjah. Mereka tidak lagi dibenarkan berniaga seperti sebelum ini, tetapi hanya boleh

melabur dalam aset simpanan tetap seperti bon kerajaan.

Berbeza dengan Kumpulan Wang Amanah Simpanan Pekerja (KWSP) – walaupun KWSP dan TH adalah tabung duit rakyat – yang dibenarkan melabur dalam ekuiti patuh undang-undang syariah.

Perbezaan ini telah menyaksikan dividen simpanan syariah KWSP jauh lebih tinggi dan konsisten jika dibandingkan dengan hibah TH, selepas bertukarnya dasar pelaburan angkara ahli politik.

Kepada yang berpendapat bukan urusan TH untuk berniaga, saudara perlu ingat, misi penubuhan lembaga bukan hanya untuk menguruskan ibadah haji, tetapi juga bertanggungjawab memperkasa ekonomi ummah.

Selain daripada kos haji, menjelang Julai kenaikan bil elektrik akan memukul rata hampir seluruh isi rumah negara, walaupun pada tahun 2023 kerajaan mengatakan tiada kenaikan tarif elektrik untuk isi rumah dengan penggunaan di bawah 1,500 kilowatt jam (RM708) sebulan.

Kini pengecualian itu dimansuhkan apabila rebat ditarik balik untuk isi rumah yang menggunakan 600kWh ke 1,500 kWh sebulan. Penarikan rebat ini adalah sebahagian daripada rombakan

subsidi Kerajaan Madani.

Pada 1 Februari, bil air setiap isi rumah juga akan meningkat antara RM1.60 hingga RM8 di seluruh negara untuk membiayai loji rawatan air dan membaiki pulih sistem paip negeri.

Di atas kenaikan tarif utiliti ini, kerajaan turut mengutip cukai perkhidmatan sebanyak enam peratus, apa yang lebih menyesakkan kadar tersebut akan dinaikkan ke lapan peratus tiba Mac kelak.

Kesan cukai SST yang regresif dan mundur sudah dihuraikan dalam dua ruangan terdahulu sebelum ini.

Jadi, separuh tahun pertama 2024 boleh disimpulkan dalam bentuk unjuran bulanan seperti berikut.

Januari: Cukai barang nilai rendah (LVG) 10 peratus, cukai keuntungan modal (CGT) 10 peratus dan kenaikan tarif elektrik golongan M40.

Februari: Tarif air naik 15 peratus untuk setiap meter padu di seluruh negara.

Mac: Cukai servis dinaikkan daripada enam peratus ke lapan peratus, cukai yang sama turut diperluaskan skop, manakala cukai perkhidmatan digital naik daripada enam peratus ke lapan peratus.

Mei: Cukai Barangan Nilai Tinggi mula dikutip pada kadar 10 peratus.

Faktor yang paling menekan rakyat akan muncul pada bulan Jun, apabila subsidi bahan api RON95 dan diesel

ditarik balik.

Dihimpit kenaikan cukai, perluasan skop cukai, penghapusan subsidi utiliti dan bahan api: kuasa beli rakyat akan meluntur dan harga barang yang sudah sedia mahal akan melonjak.

Bertambah getir apabila harga barangan import menjadi lebih mahal dengan ketegangan geopolitik Laut Merah.

Setakat waktu ruangan ini ditulis, ringgit menjunam di paras paling rendah dalam tempoh 26 tahun berbanding *greenback* dan dolar Singapura.

Saya akhiri ruangan dengan imbasan ciapan penyanyi nombor satu negara pada tahun 2018, di saat kejatuhan kerajaan Barisan Nasional dan bermulanya pemerintahan PH 1.0: "Sangat memalukan dengan apa yang terjadi dengan kes Tabung Haji... Ya Allah lindungi kami..."

Sekarang sudah selamatkah Tabung Haji, saudari? Mungkin penyanyi dari Kuala Lipis itu perlu membaca karya Mark Twain: Lebih baik anda menutup mulut dan membiarkan orang menganggap anda bodoh, daripada membukanya dan mengeluarkan semua keraguan.

*\* Elviza pernah menulis untuk dua Perdana Menteri, sekarang tinggal di Shah Alam bersama anakanda Luqman.*